

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 18.06.2014

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Bank Negara Malaysia untuk membantu pembeli-pembeli projek-projek perumahan yang terbengkalai menghadapi kebangkrapan daripada pinjaman bank.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara umumnya, institusi perbankan memahami kesulitan yang

dihadapi oleh peminjam bagi projek perumahan terbengkalai dan peminjam yang menghadapi kesukaran untuk membayar balik pinjaman boleh berbincang dengan pihak bank bagi mencari jalan penyelesaian. Sebagai langkah awal, peminjam digalakkan berunding dengan institusi perbankan yang berkenaan untuk merangka cadangan penyusunan semula atau pembayaran balik pinjaman yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

2. Institusi perbankan akan memberi pertimbangan ke atas kelonggaran pembayaran balik pinjaman bagi pembeli-pembeli rumah yang projek perumahannya terbengkalai. Pertimbangan tersebut termasuk pengecualian atau penangguhan bayaran faedah pinjaman, penangguhan atau kelonggaran dalam pembayaran balik pinjaman perumahan sehingga projek perumahan selesai dipulihkan serta penangguhan tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas pembeli.

3. Sekiranya rundingan ini gagal, peminjam boleh merujuk kes masing-masing kepada Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) atau Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mendapatkan bantuan. AKPK akan

memberikan bantuan secara percuma kepada peminjam individu bagi menyusun semula hutang berkaitan dengan pinjaman perumahan, sewa beli, kad kredit, kad caj dan pinjaman peribadi yang diperolehi daripada institusi kewangan. Dalam kebanyakan kes, AKPK akan menjadi pengantara bagi institusi kewangan yang terlibat dalam pemberian pinjaman kepada peminjam individu tersebut. Peminjam boleh berhubung dengan mana-mana cawangan AKPK di seluruh negara.

4. Institusi perbankan juga adalah dikehendaki menyediakan unit atau pegawai khas sebagai "rujukan setempat" (single reference point) bagi memudahkan komunikasi pihak terbabit dalam isu berkaitan projek perumahan terbengkalai yang telah dikenal pasti. Rujukan setempat ini juga akan dimaklumkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dari semasa ke semasa tentang kedudukan projek-projek lewat, bermasalah dan terbengkalai serta cadangan KPKT untuk menangani projek-projek berkenaan. Maklumat sedemikian penting bagi memudahkan institusi perbankan dalam mempertimbangkan sebarang pinjaman tambahan untuk memulihkan projek terbengkalai yang dianggap berdaya maju dan

seterusnya mempertimbangkan rayuan oleh pembeli-pembeli terbabit dalam pembayaran balik pinjaman masing-masing.